

08 AUG 1997

KERAJAAN MAHU MENGEKEMASKINI UNDANG-UNDANG SYARIAH

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Kerajaan akan mengemaskini undang-undang Syariah di negara bagi mengelakkan tindakan yang boleh membawa imej buruk terhadap Islam, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, kerajaan juga akan mengkaji semula peranan dan kuasa pegawai-pegawai agama terutama mufti dalam membuat fatwa yang dilihat tidak selaras dengan peranan mereka sebagai penasihat agama kepada kerajaan.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno selama empat jam di sini. -- BERNAMA

AH PR